

04 OCT 1998

Suleiman-Masalah

PEMECATAN ANWAR SATU PENYELESAIAN KEPADA MASALAH NEGARA

PONTIAN, 4 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed hari ini berkata, pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatannya dalam kerajaan dan parti merupakan satu penyelesaian kepada masalah negara selama ini.

"Orang Melayu dan Umno tidak mampu mempunyai pemimpin yang moralnya dipertikaikan dan terlibat dalam salah laku seks serta mencemarkan kesucian agama Islam," katanya pada perasmian pertandingan kuiz kenegaraan peringkat negeri di Air Baloi, dekat sini.

Beliau berkata tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap Anwar berpunca daripada salah laku serta mengamalkan gaya hidup yang bertentangan dengan nilai islam.

Penyingkirannya bukan bertujuan untuk menganiaya tetapi berdasarkan kepada bukti-bukti yang kukuh, kata beliau.

"Sebelum rakyat dan negara menerima kesan sekiranya dipimpin oleh pemimpin yang bermoral rendah, tindakan pemecatan itu merupakan penyelamat," katanya.

Suleiman berkata penahanan Anwar menurut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ialah disebabkan beliau telah membakar semangat orang ramai supaya merusuh terutama di Kuala Lumpur.

Sekiranya rusuhan berlaku, ia bukan sahaja menjejaskan ekonomi negara tetapi juga boleh menggugat keselamatan dan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini, katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya terus menyokong kepimpinan yang sedia ada dan tidak mudah terpengaruh dengan dakwah serta fitnah.

Rakyat perlu bertenang serta menerima segala keputusan yang dibuat dan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menentukan kebenaran tanpa mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang, katanya.

-- BERNAMA

ZD MKO PR